


DASAR EKONOMI BARU PERTUMBUHAN NEGARA DAN PENCAPAIAN EKONOMI ORANG MELAYU

"Saya mengalu-alukan terbitan semula buku dalam bentuk yang terkini ini dan berharap ia menjadi bahan bacaan semua lapisan masyarakat baik ahli sains, ahli akademik, kakitangan Kerajaan, para pentadbir mahupun ahli-ahli politik dan rakyat biasa. Ia akan membantu dalam menjawab salah satu soalan sukar tentang masa depan Malaysia."

**YAB Dato' Seri
Dr. Mahathir Mohamad**

**JUST FAALAND
JACK PARKINSON
RAIS BIN SANIMAN**



DASAR EKONOMI BARU
PERTUMBUHAN
NEGARA DAN
PENCAPAIAN
EKONOMI
**ORANG
MELAYU**

JUST FAALAND
JACK PARKINSON
RAIS BIN SANIMAN

PUSTAKA PERDANA



1014016

Spektra
Books Professional Minda Melayu



291762

Dasar Ekonomi Baru
Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu
adalah terjemahan daripada **Growth and Ethnic Inequality: Malaysia's New Economic Policy (NEP)**
karangan **Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais B. Saniman**
terbitan **SPEKTRA (Radius Media Sdn Bhd), Dewan Bahasa dan Pustaka**

Cetakan Pertama Bahasa Melayu 1991 (Dewan Bahasa dan Pustaka)
Cetakan Kedua 2002
Edisi Baru Bahasa Melayu oleh Chr. Michelsen Institute, Norway

Hak cipta terpelihara Edisi Baru Bahasa Melayu oleh Chr. Michelsen Institute, Norway .
Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku
ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua
sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum
mendapat izin bertulis daripada Chr. Michelsen Institute, Bergen, Norway
Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Pengkatalogan Penerbitan Perpustakaan Chr. Michelsen Institute, Bergen, Norway
Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu
Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais B. Saniman

Penterjemah: Ramlah Muhammad, Md. Sharit Bharuddin, dan Ridzuan Omar

- 1. MALAYSIA - Keadaan Ekonomi**
- 2. DASAR EKONOMI BARU I. JUST FAALAND II. PARKINSON III. RAIS B. SANIMAN**
DDC - 338.9595

Diatur Huruf Oleh SPEKTRA (Radius Media Sdn Bhd)
Muka Taip Teks: Georgia
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Penerbit
SPEKTRA (Radius Media Sdn Bhd 488789 -W)
No 7A, Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor

Dicetak oleh
Ultimate Print Sdn Bhd 62208-H
No 40, Jalan Penchala,
46050 Petaling Jaya
Selangor

338.9595



**JAWATANKUASA KHAS PENERBITAN
(Edisi Yang Diperbaharui)**

Pengerusi

Mukhriz Mahathir

Penasihat

YBhg. Dato' Omar Md. Hashim
YBhg. SN Datuk A. Samad Said

Pengarah Penerbitan

Mohamad Ismail

Timbalan Pengarah Penerbitan

Asnita Masdar

Editor

Rosli K. Matari

Penyelaras

Afniza Abu Bakar
Ima Syuhada Ismail
Melati Ahmad Selar
Latifah Halimi
Sa'adiyah Ramli
Norliza Alang Ahmad
Fazreen Mohamed Osman
Azman Firdaus Azizan

Penterjemah

Ramlah Muhamad
Ridzuan Omar
Md. Sharit Bharuddin

Ahli Jawatankuasa

Affandy Isa
Ahmad Bazlan Che Kasim
Hamri Taib
Mohd Shahreen Izwan Ridzuan
Mohamad Fadzil Yusree Yusof
Mohamad Lokman Mohamad Mokhtar
Shahrul Azhar Ismail
Syahril Adli Md Desa
Wan Aminuddin Wan Daud

KATA ALU-ALUAN PERDANA MENTERI MALAYSIA



SEPANJANG tahun menjelang kemerdekaan, komposisi penduduk pelbagai bangsa yang tinggal di Malaysia menjadi isu yang hangat dibincangkan dan mendapat perhatian utama. Kemuncak dari peristiwa itu, termeterai apa yang disebutkan Kontrak Sosial (*Social Bargain*) pada tahun 1957 di antara tiga kumpulan etnik utama sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan. Sejak dari itu, dan terutamanya setelah tercetusnya rusuhan kaum pada bulan Mei 1969 yang berpunca daripada masalah dalaman iaitu ketidakseimbangan taraf sosial, timbul keperluan untuk merumuskan suatu kaedah yang dapat mengimbangi perbezaan antara kumpulan etnik. Ini merupakan cabaran utama kepada kepimpinan politik negara dan ianya menguji keupayaan rakyat Malaysia untuk mencari kesepakatan dalam menangani perbezaan pendapat dan kepentingan masing-masing.

Dua komitmen yang merupakan asas utama di dalam Kontrak Sosial 1957 ialah penduduk asal menerima bukan Bumiputera sebagai rakyat melalui prinsip 'jus soli', dan penerimaan oleh komuniti penduduk yang berasal dari negara asing menerima akan perlunya suatu kaedah atau langkah untuk mempertingkatkan pencapaian ekonomi Bumiputera setaraf dengan mereka dalam satu jangka masa tertentu. Taraf kerakyatan melalui 'jus soli' diberi dalam masa yang singkat kepada berjuta rakyat asing pada ketika itu, tetapi pembangunan ekonomi berasaskan golongan etnik yang seimbang memerlukan masa yang panjang dan merentasi sempadan generasi. Pembangunan pada tahun-tahun 60an amatlah menyedihkan, malah begitu mengecewakan.

Selepas rusuhan Mei 1969 tanggungjawab diletakkan kepada pemimpin pelbagai kaum untuk menangani masalah antara kaum ini. Apabila didapati punca

perbalahan kaum ini disebabkan oleh jurang ketidakseimbangan dalam agihan kekayaan antara kaum, diskriminasi yang diwarisi daripada penjajahan British, pengabaian dan eksploitasi terhadap kaum Melayu, maka Dasar Ekonomi Baru (DEB) digubal sebagai tindakan ‘affirmative’ bagi menebus kembali hak orang Melayu dan penduduk asal yang lain, serta memastikan kedudukan ekonomi Bumiputera seiring dengan bukan Bumiputera. Matlamat ini boleh dicapai melalui membesarkan ‘kek’ ekonomi supaya sebahagian besar daripadanya dapat disalurkan kepada penduduk asal. Dengan itu, tidak berlaku apa yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai rampasan kekayaan milik kaum Cina atau bukan Bumiputera yang lain.

Apakah kewajarannya menolong orang Melayu? Tunku Abdul Rahman, bapa kemerdekaan Malaysia dan salah seorang pengasas Perlembagaan, pernah berkata, *“Pengalaman kami telah menunjukkan bahawa di negeri-negeri yang ditadbirkan oleh pihak Inggeris, orang Melayu tidak mempunyai tempat mereka, hak mereka tidak dihiraukan langsung dan tidak diambil kira. Sekolah Melayu diturunkan ke taraf yang paling bawah dalam susunan sistem pendidikan, dan diberikan hanya pendidikan “vernakular” selama tiga atau empat tahun - pada akhir persekolahan tersebut, apa yang dapat dilakukan oleh orang Melayu ialah sekadar mencari sesuap nasi sahaja. Beberapa orang Melayu yang kaya mampu menghantarkan anak mereka ke seberang laut bagi mendapatkan pendidikan tinggi, tetapi bilangan teramai orang Melayu dipandang hina oleh sesiapa juga...Orang Melayu perlu dibantu agar dapat meningkatkan taraf hidup.”* (Far Eastern Economic Review, Julai 21 1988 m.s. 17)

DEB dilaksanakan selama 20 tahun sehingga 1990 dan disusuli pula dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dilihat sebagai langkah pertama ke arah Wawasan 2020, iaitu meletakkan Malaysia dalam golongan negara maju.

Dalam tahun 1990, fokus dasar telah berubah, namun objektif utama DEB masih dikekalkan. Asas ekonomi untuk perpaduan nasional di Malaysia mestilah ekonomi yang makmur dengan perpaduan kaum. Ia memerlukan dasar ‘affirmative’ yang berterusan, jelas dan konsisten. Ianya tetap menjadi asas garis panduan objektif dasar ekonomi sekarang dan untuk tahun-tahun yang akan datang. Jika tidak, kita akan berhadapan dengan risiko perbalahan kaum seperti yang dialami oleh kita pada tahun 1969 dan juga berlaku di kebanyakan negara di Asia, Afrika, dan negara-negara lain yang gagal melaksanakan pembangunan untuk semua rakyat.

Buku ini yang membincangkan latar belakang sosio-ekonomi DEB diterbitkan pertama kalinya pada awal tahun 1990. Ianya mengandungi rumusan dan komen ke atas laporan dan kemajuan ke arah pencapaian objektif DEB sebagaimana terdapat di dalam dokumen Pelan seterusnya. Di samping itu, ia juga mengandungi penilaian menyeluruh oleh penulis terhadap keberkesanan dan kelemahan di dalam pelaksanaannya. Pandangan penulis mengenai masa depan sebagaimana dikemukakan pada akhir tahun 80an telah pun berlaku, tetapi secara umumnya yang ia patut diberikan perhatian dalam menyelesaikan isu boleh diguna pakai pada masa sekarang.

Dalam epilog pendek, begitu juga dalam *annex* yang lebih teknikal – penulis telah membuat analisis mengenai pertumbuhan dan ketaksamaan etnik sehingga kini. Penulis telah menunjukkan bahawa penstrukturan semula objektif DEB merupakan kes perjuangan yang belum selesai. Telah terlalu lama nampaknya tiada pembaharuan dalam memberi bangsa Melayu dan Bumiputera peluang merasai

tempias pembangunan sama ada dari segi pemilikan, pengawalan dan pengurusan ekonomi, agar mereka berada setara dengan kaum Cina khususnya.

Sejak dari Merdeka, Malaysia mempunyai rekod pembangunan yang boleh dibanggakan terutamanya di dalam kestabilan sosial dan ekonomi. Walaupun kita pernah mengalami ketegangan antara kaum, malah ekonomi dan kewangan pernah tergugat, tetapi dengan kesedaran rakyat dan kepelbagaian sumber ekonomi dan kepimpinan politik yang baik, telah sekian kali terbukti kita dapat mengatasinya dan terus bergerak ke hadapan. Selama 45 tahun, kita telah menjadi negara yang berdikari. Ianya memberikan pengalaman yang berguna untuk membentuk ekonomi dan masyarakat yang dinamik. DEB telah membawa kestabilan sosial dan politik kepada negara kita yang tercinta, dan ini merupakan prasyarat untuk mana-mana negara pun bagi menjamin pembangunan ekonomi dan kemajuan negara masing-masing. Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang konsisten merupakan salah satu pertumbuhan tertinggi di dunia. Keupayaan negara memacu pertumbuhan ekonomi dengan cemerlang telah menarik perhatian banyak negara di dunia termasuk negara-negara maju yang ingin mempelajari dan mencontohi kita. Kita di Malaysia seharusnya berbangga kerana kita menjadi teraju dalam dasar pembangunan yang mengurangkan jurang perbezaan sosio-ekonomi antara kaum.

Saya mengalu-alukan terbitan semula buku dalam bentuk yang terkini ini dan berharap ia menjadi bahan bacaan semua lapisan masyarakat baik ahli sains, ahli akademik, kakitangan kerajaan, para pentadbir mahupun ahli-ahli politik dan rakyat biasa. Ia akan membantu dalam menjawab salah satu soalan sukar tentang masa depan Malaysia. Memasuki dunia teknologi maklumat yang tiada sempadan, keputusan bukan lagi hanya berpandu kepada naluri dan perasaan; fakta empiris dan tafsiran profesional atas apa yang diharungi di masa lampau harus juga diambil kira. Kita harus membaca, mengkaji, menganalisis, menulis dan berfikir serta bertindak sebagai jalan penyelesaian kepada isu-isu yang kompleks dan rumit seperti yang dimuatkan dalam buku ini, yang berperanan membangunkan masyarakat Malaysia yang bersatu dan gemilang tanpa mengira status perkauman. Analisis terperinci ke atas pengalaman lepas sahaja tidak boleh menyediakan arah tuju yang jelas untuk masa depan. Melalui maklumat lengkap ini diharapkan dapat membantu pembuat dasar membuat keputusan dengan menggariskan cara-cara untuk menghadapi cabaran perubahan politik dan ekonomi dalaman dan antarabangsa. Berdasarkan inilah, saya amat mengalu-alukan analisis yang dibuat oleh penulis buku ini yang terbukti berguna dan kini digunakan oleh MAPEN-1 dan juga Kerajaan pada tahun 1990 dan masih lagi relevan hingga ke hari ini. Ianya juga memberi contoh bahawa bagaimana berkesannya analisis profesional boleh membantu dalam menjana dan memperjelaskan isu-isu penting berkaitan dasar awam.



Dr. Mahathir Mohamad
Putrajaya
5 Jun 2002

KANDUNGAN

Jawatankuasa Khas Penerbitan	iii
Kata Alu-aluan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad	iv
Penghargaan	xiii
Prakata Edisi Yang Diperbaharui Bergen/Nottingham/Kuala Lumpur 2002	xv
Prakata Edisi Pertama Bergen/Paris 1990	xviii
Jadual	xxi
Petak	xxiii
Rajah	xxiii
Peta Malaysia	xxiv
Akronim	xxvi
BAB 1	
LATAR BELAKANG	1
Geografi	
Kemajmukan Kaum	
Dualisme Ekonomi	
Sejarah dan Politik	
Rusuhan Bulan Mei 1969	
Cabaran	

BAB 2

PENGASASAN DAN PEMBENTUKAN

Perlembagaan

Rukun Negara, Perpaduan Negara, dan DEB

Kelahiran Strategi Pembangunan Baru

Dokumen

Pendekatan UPE

Pendekatan JPN

Perbezaan Pendekatan

Masalah Ditetapkan

Ketakseimbangan Ekonomi Kaum

Kemiskinan Orang Melayu yang Berleluasa

Komponen Ketaksetaraan Pendapatan

Masalah dari Segi Perspektif

Ke Arah Penyelesaian

Reformasi Intra sektor

Reformasi antara Sektor

Unsur Strategi

Pertumbuhan Berbanding dengan Pengagihan

Pengagihan Semula Berbanding dengan Penyertaan

Peranan Kerajaan

Peranan Sektor Swasta dan Perindustrian

Peranan Pendidikan

Dasar Pelengkap

Kesan Berpotensi bagi DEB

Ketaksetaraan Ekonomi Kaum

Tenaga Buruh, Guna Tenaga, dan Pengangguran

Pengawalan Aset Modal dan Ekonomi

Pertumbuhan Ekonomi

Pandangan terhadap Pencapaian

Jangka Sederhana dan Jangka Pendek

Penyelarasan dan Kepimpinan

Pelaksanaan dan Penyelarasan

Peranan Kepimpinan Politik

DEB Secara Ringkas

BAB 3

DEB DALAM DOKUMEN RANCANGAN

Pengenalan

Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 (RMD)

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975

Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (RMT)

Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 (RME)

Kajian Separuh Penggal

Rancangan Malaysia Kelima (RML) 1986-1990

Rumusan

BAB 4**PELAKSANAAN**

Cita-cita dan Pendekatan

Ilustrasi Aritmetik

Perubahan Struktur dan Ekonomi

*Penduduk dan Guna Tenaga**Perubahan Harga**Pertumbuhan Keluaran**Perindustrian*

Perubahan Struktur dalam Konteks Sosial

*Ketakseseimbangan di Peringkat Wilayah**Kejadian Kemiskinan**Peruntukan Perkhidmatan Sosial**Pendidikan**Kesihatan**Perancangan Keluarga*

Penilaian DEB

*Pewujudan dan Penyusunan Semula**Guna Tenaga**Guna Tenaga Orang Melayu dalam**Sektor Moden**Keusahawanan dan Pemilikan**Ketakseseimbangan Pendapatan*

Kesimpulan

99

BAB 5**PERBAHASAN**

Pengenalan

Strategi Am

Kedudukan Orang Cina

*DAP (Parti Tindakan Demokrat)**MCA (Persatuan Cina Malaysia)**GERAKAN*

Kedudukan Orang India

*MIC (Kongres India Malaysia)**Pandangan Orang Perseorangan*

Kedudukan Orang Melayu

*UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)**PAS (Parti Islam Se-Malaysia)**Angkatan 46**Cendekiawan dan "Golongan Liberal" Melayu**Ringkasan*

Pandangan Pihak Lain

*Bank Dunia**MIER (Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia)*

148

Profesion Ekonomi Malaysia

Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN)

Rumusan

BAB 6

MASA HADAPAN

204

Latar Belakang

Objektif

Ketaksamarataan

Kemiskinan

Pengangguran

Pertumbuhan

Hak Orang Melayu, Keistimewaan dan Diskriminasi

Tanah

Perkhidmatan Awam

Guna Tenaga

Pemunyaan

Dasar Sosial

Perancangan dan Pengawalseliaan

Merebut Peluang

EPILOG

232

APENDIKS

TUJUH DOKUMEN PILIHAN DARI 1969-70

235

A: DASAR BAGI PERTUMBUHAN DENGAN IMBANGAN KAUM

236

Latar Belakang

Kendalaan dan Pilihan

Strategi dan Matlamat

Pendapatan dan Kebajikan Luar Bandar:

Dasar bagi Pantai Timur, Kedah dan Perlis

Pendapatan dan Kebajikan Luar Bandar:

Dasar bagi Pantai Barat, (kecuali Kedah dan Perlis)

Orang Melayu Bandar yang Separuh Mahir dan Tidak Mahir

Dasar Pendidikan dan Guna Tenaga Orang Melayu yang Berpendidikan

Peranan Industri Kewangan dan Perancangan

B: KETAKSETARAAN KAUM DAN PEMBANGUNAN EKONOMI

261

Pengenalan

Masalah

Pilihan Strategi

<p><i>Pertumbuhan Berbanding dengan Pengagihan Pengagihan Semula Berbanding dengan Penyertaan Peranan Kerajaan Keseimbangan Kaum di Bandar dan Luar Bandar Ciri-ciri Utama Strategi</i></p> <p>Potensi Perubahan</p> <p><i>Asas bagi Unjuran</i></p> <p>Tenaga Buruh</p> <p><i>Ekonomi Luar Bandar Sektor Bandar dan Sektor Kerajaan</i></p> <p>Implikasi bagi Rangka Ekonomi dan Sosial</p> <p><i>Pertumbuhan Ekonomi Guna Tenaga dan Pengangguran Pehijrahan ke Bandar Ketaksetaraan Ekonomi Kaum</i></p> <p>Kesimpulan Utama</p>	
<p>C: DASAR EKONOMI BARU</p> <p>Objektif dan Sasaran</p> <p>Pembentukan dan Pelaksanaan Dasar yang Berkesan</p> <p><i>Dasar bagi Pertanian, Perikanan dan Perhutanan Dasar bagi Pengilangan, Perlombongan dan Pembinaan Dasar bagi Perdagangan dan Perniagaan Dasar bagi Memperbaiki Kehidupan di Bandar dan Luar Bandar Dasar bagi Pendidikan Perumusan Program oleh Agensi Kerajaan</i></p> <p>Penyelarasan dan Pelaksanaan Dasar</p>	293
<p>D: SASARAN GUNA TENAGA, PENGELUARAN, DAN IMBANGAN EKONOMI KAUM BAGI RANCANGAN MALAYSIA KEDUA (RMD)</p> <p>Pengenalan</p> <p>Jumpaannya Utama</p> <p>Implikasi Dasar</p> <p>Usaha Masa Hadapan</p>	305
<p>E: MASALAH KETAKSEIMBANGAN EKONOMI BANGSA DAN PENYATUAN NASIONAL</p> <p>Kesimpulan daripada cadangan</p> <p><i>Pengenalan Perubahan di sekitar dalaman Perubahan/Pembaharuan Antara Sektor Pelaksanaan/Implementasi</i></p> <p>Laporan Masalah ketidakseimbangan Ekonomi Dan Unit Kebangsaan oleh Jawatankuasa ekonomi dan</p>	315

Majlis Perundingan Kebangsaan

Pengenalan

Perubahan Sektor Dalam

Perubahan Antara Sektor

Pelaksanaan

Kesimpulan

F: KAJIAN SAINS SOSIAL UNTUK PENYATUAN NASIONAL	352
Dimensi Penyatuan Nasional	
Keperluan Malaysia Dalam Kajian Sains Sosial Agenda Kajian	
Kebolehan Kajian Sedia Ada	
Program untuk Penyelidikan Sains Sosial	
G: PERTUMBUHAN EKONOMI DAN KETAKSAMARATAAN	
ETNIK 1957 HINGGA 2000 DAN MASA HADAPAN	380
Pertumbuhan dan ketaksamarataan 1957 hingga 2000: Hasil	
<i>Perubahan Polisi dari Pertengahan Tahun 1980-an</i>	
<i>Apa yang Bakal Berlaku?</i>	
<i>Gambaran Trade-Off</i>	
<i>Senario Opsyen Pada Masa Hadapan</i>	
<i>Kesimpulan</i>	
<i>Nota Pengiraan Statistik</i>	
Pertumbuhan Ekonomi dan Ketaksamarataan kaum 1957 ke 2000	
dan pada masa hadapan: Addendum	
<i>Ekuiti Korporat dan Ketaksamarataan 1970 hingga 2010</i>	
Bibliografi Pilihan	396
Indeks	400

PENGHARGAAN

Buku yang diterbitkan pada tahun 1990 diterbitkan dalam versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ramai pembaca telah tampil mencadangkan agar buku ini diterbitkan semula sebagai peringatan, terutamanya kepada generasi muda, bahawa adalah satu kesilapan besar untuk mereka bersikap sambil lewa di atas keamanan sosial yang dimiliki kini. Sedang pertumbuhan pesat ekonomi – sekali pada kadar memberangsangkan – penstrukturan semula ke arah mengatasi ketaksamarataan dalam perolehan mengikut kaum telah sekurang-kurangnya, lambat berlaku.

Kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad atas kesudiannya menulis kata alu-aluan serta melancarkan buku ini. Sesungguhnya mesej yang ingin disampaikan melalui buku ini adalah konsisten dengan segala usaha yang beliau dan pemimpin-pemimpin yang terdahulu laksanakan dalam membentuk bangsa Malaysia.

Penghargaan yang tidak terhingga di atas inspirasi dan sokongan padu daripada Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri, yang tanpa jemu menunjukkan minat dalam projek ini, sejak beliau berkhidmat dengan NOC, dan ketika membantu Tun Abdul Razak membangunkan DEB. Di tahun kebelakangan ini, beliau banyak memberi galakan kepada Chr. Michelsen Institute untuk bekerjasama dengan Universiti Malaya (UM) dalam menubuhkan Pusat Pembangunan Ekonomi dan Perhubungan Etnik (CEDER) serta memastikan CEDER memberikan geran pelancaran awal. Peranan ini dimainkan oleh Pengarah Urusan Chr. Michelsen Institute, Dr. Gunnar Sorbo, dalam usaha agar organisasi ini dapat berjalan dengan lancar dan beliau masih boleh terus menyumbang di organisasi tersebut. Dalam usaha untuk menyiapkan tugas keseimbangan

ekonomi, tidak mungkin akan terlaksana tanpa kerjasama di antara CEDER dan Naib Canselor Bersekutu, Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdullah Sanusi Ahmad, Profesor Dato' Dr. Anuar Zaini Md. Zain serta Puan Sabariah Ishak yang tidak jemu-jemu membantu, begitu juga dengan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Profesor Dr. Jahara Yahya dan Ketua Pustakawan universiti, Dato' Dr. Zaiton bt. Osman.

Banyak lagi individu dan institusi terlibat membantu dalam penerbitan edisi kedua ini. Kami amat berterima kasih kepada mereka, terlalu ramai untuk disenaraikan, ini termasuklah Dato' Omar bin Md. Hashim dan Datuk Abdul Rashid Manaf yang mengatur dan memberi sokongan sejak penerbitan pertama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Encik Mukhriz Mahathir, Presiden ANSARA dan Pengerusi SPEKTRA, yang bertindak membuat keputusan akhir sehingga terbitnya edisi kedua ini. Keputusan ini turut mendapat sokongan padu Prof. Datuk Dr. Ismail Md. Salleh dan Dr. Norraesah bt. Mohamad. En. Mohamad Ismail, Ketua Pengarang SPEKTRA dan kakitangan yang tidak mengenal erti penat lelah, termasuklah dalam usaha mengemas kini bahasa, yang turut melibatkan sumbangan SN Datuk A. Samad Said, sasterawan negara. Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tan Sri Abdullah Ahmad dari New Straits Times, Dato' Haji Zabir Bajuri, KDEB, Datuk M. Zain Majid dan Dato' Hj. Jamian Mohamed di atas bantuan dan sokongan yang diberikan.

Bergen/Nottingham/Kuala Lumpur, April 2002

JUST FAALAND
JACK PARKINSON
RAIS SANIMAN

PRAKATA EDISI YANG DIPERBAHARUI

PRINSIP asas Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dijalankan dalam pelbagai bentuk oleh kerajaan Malaysia sejak tahun 1970. Namun, persoalan sering ditimbulkan terutama oleh generasi muda tentang rasionalnya pelaksanaan tindakan afirmatif yang dilihat lebih memberi impak negatif kepada bukan Bumiputera, yang mendapat hak kewarganegaraan hasil daripada Perjanjian 1957. Benarkah kritikan menyatakan negara mengalami kerugian dari aspek pertumbuhan ekonomi lantaran pelaksanaan DEB? Benarkah pencapaian ekonomi bukan Bumiputera terjejas dan mereka tidak meraih sebarang manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara? Bagaimanakah pula dengan hak asasi orang Melayu dalam membangunkan ekonomi mereka di tanah air sendiri berbanding kumpulan etnik yang lain?

Dalam hala tuju pelaksanaan DEB – dengan sedikit pengubahsuaian mengikut keperluan semasa berikutan perubahan sama ada dalaman ataupun luaran - persoalan sebegini sentiasa berlegar di fikiran kami sebagai penulis buku ini. Ramai rakan penulis mendesak agar buku ini diterbitkan semula bagi menyediakan satu analisis dan penilaian terkini serta lengkap berkaitan keberkesanan pelaksanaan DEB. Usaha ini dilihat perlu dilakukan sebagai tambahan kepada penilaian rasmi yang terkandung dalam pelan dokumen yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE).

Menerusi penerbitan buku ini, kami cuba untuk memberikan gambaran yang komprehensif tentang matlamat asal pelaksanaan DEB apabila ia diperkenalkan oleh penggubal dasar; Majlis Perundingan Kebangsaan dan Parlimen. Dalam tahun 1971, DEB seperti yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak telah diterima sebagai ‘payung’ kepada dasar ekonomi negara serta menjadi

kunci kepada perpaduan negara.

DEB telah dibentuk bagi jangka masa 20 tahun sehingga tahun 1990. Analisis yang terkandung dalam buku ini meliputi tahun-tahun sehingga lewat 1980an dan mewakili pandangan tentang apa yang berlaku pada masa itu, tahun 1990an dan seterusnya. Kesemua dokumen ini telah tertinggal semasa penerbitan pertama buku ini tetapi kami telah memasukkannya di bahagian apendiks bagi melihat cabaran-cabaran serta peluang yang ada pada hari ini. Kami juga memuatkan Dokumen G yang bertarikh Oktober 2001, dokumen yang mengandungi analisis serta statistik ekonomi terkini yang menggambarkan secara jelas pertumbuhan ekonomi dan jurang antara kaum daripada Merdeka sehinggalah awal dekad era milenium.

Kini, seperti yang pernah berlaku pada tahun 1969/70, ketidakseimbangan yang serius dari segi pendapatan dan tahap kemiskinan antara kaum, sosial dan agama semakin buruk. Situasi ini jika tidak dipulihkan akan menyebabkan berlakunya ketidakstabilan ekonomi dan sosial, serta peristiwa keganasan yang berlaku pada tahun 1969 mungkin akan berulang. Ini merupakan nasib yang menimpa negar-negara yang mengalami masalah perkauman yang gagal untuk menangani permasalahan ini; malah ada yang hancur disebabkan masalah pengasingan kaum dan juga penentangan yang berterusan. Bagi Malaysia, persoalan pokok ialah bagaimana untuk mencari penyelesaian seminimum dan secepat mungkin, agar boleh mencipta *level playing field* yang tidak memerlukan polisi tindakan afirmatif berdasarkan kaum.

Walaupun menghadapi era yang tidak konsisten, DEB yang berlangsung selama tiga dekad, menjadi alat bagi mengelakkan berlakunya rusuhan kaum yang serius dan dalam usaha mencipta keharmonian, serta menyediakan asas kepada pembangunan yang pesat dan mampan. Kadar pertumbuhan ekonomi di Malaysia sejak tahun 1970 adalah antara pertumbuhan tertinggi di dunia, dan Malaysia amat berbangga dengan pencapaian ini. Formula tindakan afirmatif antara strategi yang dilihat memberikan kesan yang amat memberangsangkan kepada Malaysia pada dekad yang lalu dan juga masa hadapan. Dasar ini mungkin boleh diaplikasi oleh negara yang turut mengalami masalah ketaksamarataan ekonomi antara kaum.

Di Malaysia, pelaksanaan dasar DEB adalah bergantung kepada pelaksanaan yang bersungguh, tegas dan komprehensif serta mengambil masa yang lama, bukannya dicapai dalam tempoh yang singkat. Di Malaysia walaupun pelaksanaan sesuatu dasar telah ditetapkan, strategi pelaksanaan DEB haruslah diketuai oleh pemimpin yang berkualiti, berpandangan jauh, bijaksana, tanpa mengira sama ada golongan majoriti atau minoriti. Begitu juga, di Malaysia kekuatan sesuatu kuasa politik itu adalah bergantung kepada kebolehan menangani masalah perpecahan kaum serta jurang ekonomi.

Dalam edisi pertama buku ini, kami telah memasukkan Apendiks yang mengandungi empat dokumen (Dokumen A – D) yang membentuk sebahagian asas DEB. Melalui edisi kedua pula, kami telah menambah dua dokumen (Dokumen E dan F) yang dinyatakan dalam buku tetapi tidak dimasukkan dalam apendiks yang asal. Dokumen E, bertarikh Ogos 1970, menunjukkan analisis keseluruhan dan cadangan daripada Jawatankuasa Ekonomi Majlis Perunding Negara, yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YB Tan Sri Mansor bin Haji

Othman, termasuk beberapa orang pakar ekonomi negara seperti Profesor Diraja Ungku Aziz, Tan Sri P.P Narayanan dan Reverend Dennis C. Dutton. Mereka adalah antara warga yang merasa bertanggung jawab untuk mengembalikan keharmonian negara selepas rusuhan kaum tahun 1969 serta menyediakan cadangan kepada hala tuju polisi yang belum lagi dilaksana bagi mengubah dasar yang dilihat menjadi punca kepada konflik hubungan antara kaum.

Dokumen F bertarikh Mei 1970, adalah berdasarkan laporan ke atas kajian Sains Sosial bagi Perpaduan Negara yang dikemukakan kepada kerajaan Malaysia oleh sekumpulan ahli Sains Sosial terkemuka antarabangsa, termasuk Profesor Samuel P. Huntington (kemudian terkenal dengan buku *Clash of Civilisations*). Laporan ini telah mengenal pasti cara untuk mengekalkan perpaduan nasional di Malaysia serta mengkaji bagaimana analisis Sains Sosial boleh menyumbang kepada pembentukan pengubalan dasar. Kajian Sains Sosial membuktikan pelaksanaan rangka kerja DEB berjalan lancar sehingga menghilangkan kerisauan pakar ekonomi dan pihak pemerintah. DEB muncul sebagai pendekatan untuk mencari penyelesaian kepada masalah ketaksamarataan ekonomi antara kaum.

Kami turut sertakan Dokumen G bagi menunjukkan gambaran sebenar dari tahun 1957-2000 masalah ketakseimbangan ekonomi di kalangan kaum dalam negara. Statistik pengiraan yang diberikan adalah diperoleh berdasarkan apa yang telah dikeluarkan kepada orang ramai.

Dalam usaha untuk menjadikan penerbitan edisi kedua ini lebih mudah diterima oleh pembaca masa kini, kami telah membuat sedikit penyesuaian dari segi pemilihan perkataan dan struktur ayat yang digunakan. Bahasa Malaysia telah mengalami perubahan yang pantas sepertimana bahasa-bahasa lain. Walaupun kamus bahasa mengalami perubahan dan dikemaskinikan, namun kami sedaya upaya cuba untuk mengekalkan keaslian bahasa. Sesungguhnya, tujuan utama kami menerbitkan kembali buku ini adalah bagi membolehkan analisis serta pertimbangan dilakukan bagi kajian serta kritikan bagi perdebatan semasa ke atas strategi pelaksanaan pembangunan ekonomi dan hubungan kaum pada masa kini dan juga untuk masa hadapan.

Bergen/Nottingham/Kuala Lumpur, April 2002

JUST FAALAND
JACK PARKINSON
RAIS SANIMAN

PRAKATA EDISI PERTAMA

SEMENJAK Merdeka pada tahun 1957, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan cepat dan berterusan seperti yang boleh berlaku di mana-mana negara lain di dunia. Bersama-sama dengan pertumbuhan ekonomi begini, terdapat kadar perubahan yang besar dalam struktur ekonomi, yang sebenarnya menyokong pertumbuhan itu sendiri. Malaysia yang tiga dekad dahulu dianggap oleh para pemerhati sebagai masyarakat yang agak tidak giat dan mundur, dan dirahmati sumber asli dalam bentuk tanah dan galian kini berkembang dengan ekonomi yang bertenaga dan dinamik. Sektor industri telah menggantikan sektor pertanian, sebagai sektor terbesar dari segi pengeluaran dan eksport (tetapi bukan pekerjaan), dengan menghasilkan pendapatan tahunan per kapita lebih kurang bersamaan dengan AS\$2 000, iaitu lebih dua kali ganda berbanding dengan Thailand. Dalam proses pertumbuhan yang pesat begini - yang tidak dapat lari daripada keadaan melambung dan meleset, dan kebanyakan keadaan begini merupakan gerak balas terhadap perubahan dalam pasaran dunia - Malaysia juga menunjukkan keupayaannya untuk menyesuaikan dasar supaya negara tersebut dapat menggunakan dasar itu dengan sebaik-baiknya untuk memperbaiki kelemahan dan kesilapannya, serta mencari dan mengeksploit peluang yang baru atau yang berubah. Jelaslah bahawa Malaysia merupakan kisah kejayaan ekonomi yang sebenar, di samping mengharumkan namanya di kalangan kelompok negara ASEAN, serta merupakan kawasan pertumbuhan ekonomi yang paling menarik dalam ekonomi dunia.

Dua puluh tahun yang lalu, selepas rusuhan berdarah 13 Mei 1969, Malaysia

menggubalkan dasarnya sendiri tentang apa yang disebutkan Dasar Ekonomi Baru (DEB), dan perkara inilah yang menjadi persoalan utama dalam buku ini. DEB dibentuk dan digunakan dalam usaha yang bersungguh-sungguh untuk menentukan bahawa hasil pembangunan negara selanjutnya akan dimanfaatkan oleh semua rakyatnya mengikut cara yang sama rata, bukan secara tidak berkadar kepada kaum-kaum pendatang berketurunan Cina dan India, tanpa menjejaskan orang Melayu dan kelompok-kelompok penduduk asli yang lain (secara berkelompok dirujuk sebagai kaum Bumiputera di Malaysia). Kepimpinan politik pada ketika itu, dan juga setengah-setengah golongan bukan Melayu yang bertanggungjawab, mengakui bahawa perasaan kaum Bumiputera tentang kehilangan tempat, tentang ketinggalan di belakang dari segi ekonomi di negara mereka sendiri, mesti dipenuhi dan hendaklah jelas akan dipenuhi melalui objektif dasar yang dinyatakan dengan jelas dan alatan dasar yang berkesan. Perkara ini sungguh perlu disegerakan kerana asas politik orang Melayu yang sedia ada di negara ini akan juga berada dalam keadaan bahaya, jika mereka terus tertinggal jauh di belakang dari segi ekonomi.

Kami cuba menceritakan kemunculan DEB dengan sepenuhnya dan menjelaskan keperluan bagi diadakan dasar sedemikian mengikut sejarah negara ini. Rumusan DEB dihuraikan secara yang agak terperinci juga dengan menggunakan dokumen yang disediakan pada tahun 1969, iaitu dokumen bagi membentuk asas dalam mengubah strategi pembangunan. Empat dokumen daripada dokumen tersebut disiarkan semula di bahagian akhir buku ini untuk dijadikan bahan rujukan dan bahan penelitian. Huraian tentang ciri strategi baru dan sebab diadakannya disusuli dengan perbincangan tentang perubahan dasar yang berlaku apabila rancangan urutannya didedahkan. Huraian ini merupakan permulaan kepada penilaian tentang keberkesanan DEB sepanjang dua puluh tahun yang lalu, diikuti dengan huraian yang kemas kini tentang pendirian yang diambil oleh parti-parti politik yang utama berhubung dengan DEB, dan terhadap hakikat bahawa Rancangan Perspektif Kasar, yang memandu DEB bagi sebahagian besar tempoh sejarahnya, berakhir pada tahun 1990. Bab akhir tertumpu kepada keperluan yang berterusan terhadap pengurangan ketaksamarataan kaum, dan juga terhadap dasar yang mungkin diikuti bagi mencapai matlamatnya dalam tempoh satu atau dua dekad yang akan datang. Memandangkan ciri isunya yang sungguh meluas seperti yang diliputi dalam berbagai-bagai bab, kami berusaha untuk menjadikan setiap bab mengandungi semua perkara, walaupun usaha begini merupakan langkah yang membawa pertindanan antara satu bab dengan bab yang lain dan juga pengulangan yang tidak dapat dielakkan.

Kami bertiga berusaha menyediakan huraian DEB berdasarkan pengalaman kebolehpercayaan dan yang berlainan serta bersifat pelengkap. Faaland menulis beberapa dokumen asas semasa beliau berada di Malaysia pada tahun 1969 dan 1970. Pada ketika itu, Faaland dan Rais Saniman telah dimasukkan ke dalam kumpulan kecil penganalisis dan pentadbir yang bertugas dengan Majlis Gerakan Negara, Jabatan Perdana Menteri dan kemudian dengan Jabatan Perpaduan Negara. Rais Saniman terus berkhidmat di Malaysia selama beberapa tahun bagi membantu usaha menubuhkan salah sebuah institusi utama bagi pelaksanaan

DEB. Pada penghujung tahun 1983, Rais Saniman menyertai Pusat Pembangunan OECD di Paris dan pada ketika itu di sana Faaland menjadi presidennya, dan kami dapat meneruskan minat kami dengan membuat analisis tentang Malaysia sebagai salah satu daripada tugas kami. Dalam tempoh itu juga Parkinson menyertai kami di Paris sebagai perunding. Tanggungjawab khususnya dalam usaha ini ialah untuk mengadakan perspektif tentang analisis, termasuk perspektif antarabangsa, serta menyertai dalam pemilihan bahan, penghuraian analisis, dan pembentangan kajian.

Sokongan dan kemudahan yang diberikan oleh Institut Chr. Michelsen selama beberapa tahun begitu penting sekali dalam usaha memproses dan menyiapkan buku ini. Faaland meletak jawatan sebagai pengarah institut mulai pertengahan tahun 1968 hingga akhir tahun 1980 bagi menjalankan kerja penasihat perancangan di Malaysia. Parkinson telah menjadi *associate fellow* di institut ini bagi tempoh yang lama dan Rais Saniman merupakan *fellow* pelawat sepenuh masa bagi tempoh 1971-72. Keadaan begini mewujudkan peluang yang amat berharga kepada kami untuk menggunakan sumber institut bagi menjalankan kerja ini, khususnya kemudahan perpustakaan yang amat banyak, termasuk dokumentasi tentang usaha awal untuk membentuk DEB di Malaysia, dan juga perkhidmatan kesetiausahaan institut yang sungguh cemerlang. Kesemuanya diberikan untuk kegunaan kami secara yang sungguh murah hati, sungguh cekap, dan sungguh cepat.

Akhirnya, kami menyampaikan ucapan terima kasih kami yang tidak terhingga kepada ramai orang perseorangan dan banyak institusi di Malaysia, dan pihak-pihak ini telah memberikan bantuan dan nasihat secara yang amat terbuka kepada kami.

Bergen, Paris, Januari 1990

JUST FAALAND
JACK PARKINSON
RAIS SANIMAN

JADUAL

2.1	Nilai Ditambah dan Guna Tenaga Orang Melayu dan Orang Bukan Melayu Mengikut Sektor	43
2.2	Guna Tenaga Sepenuh Masa yang Dibayar Mengikut Pemilikan dalam Industri Pengilangan	45
2.3	Guna Tenaga Sepenuh Masa yang Dibayar Mengikut Kategori Pekerja dalam Industri Pengilangan	45
2.4	Guna Tenaga, Nilai Ditambah, dan Ketaksetaraan Mengikut Sektor Utama bagi Orang Melayu dan Orang Bukan Melayu 1967 dan 1985	65
4.1	Pembangunan Sektor Tradisi dan Moden dalam Ekonomi Dualisme	107
4.2	Nilai Ditambah, Guna Tenaga, dan Nilai Ditambah bagi Setiap Penduduk	111
4.3	Pergerakan Penduduk Mengikut Kelompok Kaum	113
4.4	Pertumbuhan Per Kapita KDNK 1950 hingga 1984 bagi Negeri-negeri Terpilih	116
4.5	Prestasi Pertumbuhan Negara-negara Asean 1965-80 dan 1980-87	117
4.6	Peratusan Kadar Pertumbuhan KDNK Sebenar	117
4.7	Per Kapita KDNK Negeri Mengikut Nisbah Min KDNK Semenanjung Malaysia bagi Tahun-tahun Terpilih	120

4.8	Kejadian Kemiskinan, 1987	122
4.9	Guna Tenaga Mengikut Sektor dan Kelompok Kaum, 1980, 1985, 1988 dan 1990 (Anggaran)	130
4.10	Agihan Guna Tenaga Mengikut Kaum dalam Sektor Ekonomi Terpilih	133
4.11	Guna Tenaga Mengikut Pekerjaan dan Kelompok Kaum, 1988	135
4.12	Jumlah Ahli Profesional yang Mendaftar Mengikut Kelompok Kaum, 1988	136
4.13	Pemilikan dan Pengawalan Sektor Korporat 1971 hingga 1990 seperti Tercatat dan (bagi 1990) Diunjurkan	140
4.14	Pendapatan Min Isi Rumah Mengikut Kelompok Kaum 1957 hingga 1987 (Semenanjung Malaysia)	144
A.1	Taburan Penduduk di Malaysia Barat	239
A.2	Pertambahan Guna Tenaga Industri Tahunan	256
B.1	KDNK Mengikut Negeri dan Penduduk, Mengikut Negeri dan Bangsa, Malaysia Barat, 1965	264
B.2	Nilai Ditambah dan Guna Tenaga Mengikut Industri dan Kaum di Malaysia Barat, 1967	266
B.3	Tenaga Buruh, Guna Tenaga, Nilai Ditambah dan Ketaksetaraan Mengikut Lima Sektor Utama 1967 dan 1985	280
D.1	Ringkasan Unjuran dan Sasaran bagi RMD untuk Guna Tenaga, Daya Pengeluaran, dan Nilai Ditambah	309
E.1:	Perbandingan Pendapatan Pekerja Mengikut Sektor 1997	325
E.2:	Pengagihan Melayu dan Bukan Melayu Dalam Lima Sektor 1967	325
E.3:	Kadar Pendapatan Melayu dan Bukan Melayu Mengikut Sektor 1967	326
E.4:	Pekerja Mengikut Industri dan Bangsa - Semenanjung 1967	335
E.5:	Pekerja Sepenuh Masa Mengikut Kategori Pekerja Dalam Industri Pengeluaran - Semenanjung 1967	335
E.6:	Bayaran Penuh – Masa Pekerjaan Mengikut Pemilikan Dalam Industri Pengeluaran - Malaysia Barat 1968	338
E.7:	Anggaran Jumlah Ekar Estet Bagi Getah, Kelapa Sawit dan Teh Mengikut Kaum pada akhir tahun 1968	345
G.1:	Pertumbuhan dan Ketaksamarataan Bagi Tempoh 1957 hingga 2000	381
G.2:	Kadar Pertumbuhan Sebenar dan <i>Counterfactual</i> dan Nisbah Ketaksamarataan 1987 hingga 1997	385
G.3:	Senario Alternatif bagi Tahun 2000 hingga 2030 dalam Kadar Pertumbuhan Ekonomi dan Ketaksamarataan Peratusan Pendapatan	387

G.4:	Pertumbuhan dan Ketaksamarataan 1970 hingga 2000 dan Masa Hadapan	392
G.5:	Pemilikan Ekuiti Korporat 1970 hingga 2010	395

PETAK

2.1	Cabutan daripada Perlembagaan Persekutuan	18
2.2	Rukun Negara	27

RAJAH

B. 1	Guna Tenaga dan Pengangguran Orang Melayu dan Orang Bukan Melayu Mengikut Sektor Ekonomi Utama 1967 dan 1985	325
B.2	Penghijrahan Bersih Pekerja antara Sektor Utama 1967 hingga 1985	327
E.1:	Pekerjaan Mengikut Industri dan Kaum – Malaysia Barat 1967	336
E.2:	Jumlah Bilangan Pekerjaan Mengikut Industri – Malaysia Barat 1967	336
E.3:	Bayaran Pekerja Sepenuh Masa Mengikut Kategori Pekerja dan Kaum (%) - Malaysia Barat 1967	337
E.4:	Jumlah Pekerja Mengikut Kategori Pekerjaan dan Kaum – Malaysia Barat 1969	337
E.5:	Pekerja Kilang Mahir dan Tidak Mahir – Malaysia Barat 1968	338
E.6:	Bayaran Penuh – Pekerjaan Masa Mengikut Kaum – Malaysia Barat 1967	338
E.7:	Pemilikan Syarikat Mengikut Kaum – Malaysia Barat 1967	339
E.8:	Kadar Jumlah Tanaman Ladang Getah Mengikut Kaum – Malaysia Barat pada 31.1.1970	346
E.9:	Kadar Jumlah Ladang Kelapa Sawit Mengikut Kaum – Malaysia Barat pada 31.12.1968	347
E.10:	Kadar Jumlah Ladang Kelapa Mengikut Kaum – Malaysia Barat pada 31.12.1968	348

Buku **'DEB PERTUMBUHAN NEGARA DAN PENCAPAIAN EKONOMI ORANG MELAYU'**, meninjau serta merumuskan pencapaian orang Melayu selepas 12 tahun pelaksanaan DEB. Pelan dokumen rasmi sepanjang tempoh DEB menjadi rujukan dalam mengkaji pencapaian dasar ini. Ini diharapkan memberi bukti kukuh terhadap pencapaian yang mengagumkan serta keazaman dan kemampuan kerajaan untuk memacu negara mencapai taraf yang lebih tinggi, sehingga menjadi contoh kepada negara luar.

Edisi yang diperbaharui ini turut memuatkan tiga dokumen tambahan yang tidak dimuatkan semasa penerbitan edisi pertamanya, iaitu;

E : Masalah Ketakseimbangan Ekonomi Bangsa dan Penyatuan Nasional

F : Kajian Sains Sosial untuk Penyatuan Nasional

G : Pertumbuhan Ekonomi dan Ketaksamarataan Etnik 1957 hingga 2030 dan Masa Hadapan



DR. JUST FAALAND

Dr. Just Faaland merupakan seorang yang disegani di Norway. Beliau ialah Pengerusi Emeritus di Chr. Michelsen Institute. Pada tahun 1982, beliau menerima anugerah Order Of Saint Olav daripada Raja Norway yang membawa gelaran 'Sir' sebagai tanda penghargaan terhadap kerja yang dilakukan untuk negara-negara membangun. Pada tahun 1985, beliau telah menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dari Universiti Bergen. Beliau juga turut menerima Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi dari Universiti Malaya pada 2001. Dr. Just Faaland merupakan perintis yang mengilhamkan pertumbuhan dan kesamarataan dalam polisi ekonomi dunia. Beliau telah berkhidmat selama 15 tahun sebagai ahli Perancangan Pembangunan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan beberapa tahun bertindak sebagai Pengerusi. Beliau telah menulis lebih 100 kertas kerja, jurnal penerbitan dan buku serta turut menyumbangkan kepakarannya di Bank Dunia, OECD, Bank Pembangunan Asia, ILO serta di beberapa institusi dan kerajaan negara-negara membangun. Daripada tahun 1968-1970, beliau adalah Direktor di Universiti Harvard bahagian Penasihat Pembangunan kepada Malaysia. Beliau juga merupakan pengasas pembentukan DEB di bawah pentadbiran Tun Abdul Razak.



PROFESOR J.R. PARKINSON

Profesor J.R. Parkinson merupakan Profesor Emeritus Ekonomi di Universiti Nottingham. Dalam masa yang sama, beliau turut memegang jawatan sebagai Profesor Ekonomi Gunaan di Universiti Glasgow dan Universiti Queens, Belfast. Beliau mempunyai pengalaman yang luas terutama semasa Perang Dunia Kedua dengan menjadi ahli Badan Statistik Perdana Menteri di Eropah, menjadi Konsultan Perancangan, Perancangan Marshall di Ireland Utara dan juga bekas ahli jawatankuasa ekonomi. Beliau banyak menerbitkan buku yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi. Memegang beberapa jawatan di negara-negara membangun, antaranya dalam Suruhanjaya Perancangan Pakistan, di Bangladesh, dan juga di beberapa negara Afrika yang kurang membangun. Profesor Parkinson sering memberi khidmat nasihat untuk organisasi antarabangsa, termasuklah OECB dan Pusat Pembangunan, Bank Dunia, Organisasi Buruh Antarabangsa, Program Makanan Sedunia dan agensi-agensi PBB.



DR. RAIS BIN SANIMAN

Dr. Rais Saniman dilahirkan di Teluk Intan, Perak dan telah menerima pendidikan awalnya di Sekolah Pergerakan Batu Pahat di bawah tajaan UMNO. Beliau merupakan ahli Majlis Tertinggi UMNO semasa pemerintahan YAB Tun Abdul Razak. Pada masa ini, beliau bertugas sebagai penyelidik di Chr. Michelsen Institute, Bergen, Adjunct Professor di Universiti Malaya (UM) dan juga sebagai ahli CEDER. Mempunyai pengalaman yang luas sama ada dalam sektor awam dan juga swasta. Beliau banyak menyumbangkan tenaga untuk membangunkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Bank Pembangunan Islam Antarabangsa di Jeddah semasa Allahyarham Tunku Abdul Rahman menjadi setiausaha Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC). Pernah bertugas di Bank Negara sebagai Pemangku Ketua Ekonomi sebelum meninggalkan jawatan tersebut untuk menyertai Bank Bumiputra dan kemudian bertugas di OECD di Paris. Kini, beliau sudah berkeluarga dan menetap di Scandinavia.

ISBN 983-40998-0-0



9 789834 099800

Spektra
Rudius Profesional Mudi Melayu

